



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan
Timbalan Menteri Sumber Manusia**

Merangkap

Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

**PROGRAM KESEDARAN KESELAMATAN & KESIHATAN
PEKERJAAN DI SEKOLAH PERINGKAT NEGERI MELAKA 2012**

Tarikh : 12 Julai 2012 (Khamis)

Masa : 2.30 petang

Tempat : Sekolah Menengah Vokasional Melaka Tengah, Bukit Katil, Melaka

Anjuran : Majlis Negara Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP)

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Melaka (JKKP)

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Jabatan Pelajaran Negeri Melaka (JPN)

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)

Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu saya berasa sangat gembira dan bersyukur kepada Allah S.W.T kerana berpeluang bersama-sama menyertai majlis pada petang ini sempena program **Kesedaran Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan di Sekolah** peringkat Negeri Melaka 2012. Jutaan terima kasih saya ucapkan di atas komitmen hadirin sekalian untuk hadir pada petang ini.
2. Saya juga ingin mengucapkan ribuan **terima kasih kepada tuan rumah** iaitu Sekolah Menengah Vokasional Melaka Tengah dengan kerjasama Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jabatan Pelajaran Negeri Melaka (JPN), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Institut Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) kerana bersama-sama menjayakan program kesedaran KKP di Sekolah di peringkat negeri Melaka ini.
3. Saya turut berasa bangga dengan **kerjasama** yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat khususnya Kementerian Sumber Manusia (**KSM**) dan agensi-agensi di bawahnya dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (**KPM**) menerusi program seumpama ini. Komitmen serta keperihatinan terhadap aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan warga Kementerian Pelajaran khususnya para guru dan pelajar sekolah ini amat dihargai.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Pada 2 Julai yang lalu, Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NCOSH) telah **membincangkan isu-isu berkaitan KKP** di tempat kerja termasuklah di sekolah-sekolah di dalam mesyuarat bilangan dua. Ini **membuktikan keprihatinan Kerajaan** dalam usaha mensejahterakan rakyat. Untuk makluman, ahli NCOSH ini terdiri daripada wakil kerajaan, majikan dan pekerja serta badan sukarela yang disertai

oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia. Antara isu yang dibangkitkan adalah keselamatan dan kesihatan para guru dan murid ketika menjalankan aktiviti ko-kurikulum, perjalanan ke sekolah serta kemalangan di dalam sekolah.

5. **Aktiviti ko-kurikulum yang perlu diambil perhatian** adalah:

- a. **perkhemahan di hutan.** Sebagai contoh, melibatkan aktiviti menyeberang sungai. Perlukan alat yang sesuai ketika menyeberang sungai seperti tali, hardness serta jaket keselamatan. Selain itu, perkhemahan yang mana keadaan kawasan perkhemahan selamat dari terkena gigitan serangga beracun dan haiwan berbisa.
- b. **lawatan ke kilang-kilang.** Sebagai contoh, kilang-kilang terdapat mesin yang sedang proses. Oleh itu pelajar harus diberi penerangan dan mematuhi apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan di dalam kawasan kilang tersebut.
- c. **serta pertandingan** seperti sukan air, berbasikal dan banyak lagi.

Jika berlaku apa-apa sepanjang aktiviti guru-guru pengiring harus memainkan peranan untuk menyelamatkan para pelajar. Oleh itu, isu ini harus dipandang serius yang mana keselamatan bukan sahaja kepada pelajar malah kepada guru-guru yang mengiring. Bukan niat untuk menimbulkan rasa kurang senang di kalangan ibu bapa serta pihak pentadbiran sekolah, malah ini menunjukkan Kerajaan melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan komited dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan bukan sahaja terhad di dalam kawasan sekolah malah aktiviti yang dijalankan di luar sekolah.

6. **Penaksiran risiko** (*risk assessment*) ke atas sebarang aktiviti yang dijalankan di sekolah setiap hari amatlah penting agar sebarang kewujudan dan kemungkinan bahaya dan risiko dapat dikenalpasti dengan

lebih awal. Ini adalah penting supaya langkah pembaikan dan pencegahan dapat dilakukan. Sebagai contoh;

- a. para **guru** adalah berkemungkinan terdedah kepada **bahaya ergonomik** atau dalam kata lain sakit belakang dan tengkuk akibat berdiri terlalu lama semasa proses pembelajaran dan pengajaran yang lama.
- b. **Pelajar** juga boleh terdedah kepada bahaya semasa berada di dalam sekolah seperti **terdedah kepada bahaya biologikal**, contohnya terdedah kepada bahaya bahan kimia semasa berada di makmal yang boleh menyebabkan penghakisan, merengsa kulit dan letupan kimia.
- c. Selain itu juga **para pelajar** turut **terdedah kepada bahaya** sewaktu mengikuti pembelajaran praktikal di bengkel kemahiran.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. **Program Kesedaran KKP di Sekolah** ini bukanlah satu program yang baru di Negara ini, malah merupakan **kesinambungan daripada Program Sekolah Selamat** yang telah dilaksanakan mulai tahun 1991 oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Maka dengan itu, amatlah wajar supaya isu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja diberikan penekanan oleh pihak pentadbir sekolah kepada para guru termasuklah murid-murid yang berada di sekolah kerana keselamatan dan kesihatan mereka turut terletak di bawah tanggungjawab pentadbir sekolah. Para guru bertanggungjawab untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada para murid di sekolah. Untuk itu, satu suasana pekerjaan yang selamat, sihat dan kondusif perlulah disediakan kepada para guru ini agar matlamat dalam menghasilkan para murid yang cemerlang akan tercapai.

8. Walau bagaimanapun, seharusnya semua **pihak harus memainkan peranan** bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terjamin. Persekitaran kawasan sekolah, peralatan yang digunakan dan aktiviti pembelajaran serta kokurikulum yang dijalankan sepanjang waktu persekolahan perlulah dipastikan agar tidak akan mengundang sebarang bahaya dan risiko kepada mereka yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan mereka.
9. **Sekolah merupakan sebuah tempat kerja** yang terdiri daripada guru, kakitangan sekolah, pelajar dan pihak lain yang berurusan dengan pihak sekolah. Sudah pasti tempat kerja ini tertakluk kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP). Di dalam AKKP 1994, telah menyatakan tanggungjawab majikan dan pekerja yang mana pengurusan sekolah dan Jabatan Pendidikan diklasifikasikan sebagai majikan di sekolah. Pekerja ialah guru, pentadbir dan kakitangan sokongan, manakala pelajar dan pelawat diklasifikasikan selain daripada orang-orang yang bekerja.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

10. NCOSH melalui JKKP telah menjalankan program Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan di Sekolah (OSH in School) ditambah lagi dengan **inisiatif NIOSH mengadakan buku panduan Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah** sebagai rujukan dan maklumat mengenai KKP di sekolah. Di samping itu, dengan adanya sistem pengurusan KKP dan pelaksanaan program-program KKP di sekolah ini, adalah diharapkan matlamat dalam mengadakan persekitaran sekolah yang kondusif bagi proses pembelajaran dan pengajaran di sekolah akan dapat diwujudkan serta semangat Budaya Kerja Selamat dan Sihat dapat dipupuk di kalangan guru dan pelajar.

11. Sebagai contoh, aspek pengurusan dan pengendalian bahan-bahan kimia yang digunakan dalam aktiviti ujikaji atau eksperimen di dalam makmal di sekolah perlulah diberikan perhatian yang serius oleh pihak pentadbir sekolah. Pematuhan dan pengetahuan tentang keperluan seperti pengadaaan *Material Safety Data Sheet* (MSDS), penggunaan peralatan pelindung diri yang sesuai seperti sarung tangan dan penutup mulut, penyediaan *Safe Operating Procedure* (SOP) serta keperluan latihan yang bersesuaian dilihat masih lagi boleh dipertingkatkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

12. Sejak kebelakangan ini, kemalangan di sekolah sama ada yang berlaku kepada para pelajar sekolah, guru dan kakitangan sekolah turut mendapat liputan sama ada di media cetak ataupun elektronik. Kemalangan yang berlaku, bukan sahaja telah mengakibatkan kecederaan kepada pelajar, bahkan ianya juga telah turut mengakibatkan kematian. Kes-kes begini bukan sahaja telah mencetuskan kebimbangan kepada pihak Kerajaan, bahkan juga para ibu bapa turut berasa bimbang akan keselamatan dan kesihatan anak-anak mereka semasa berada di sekolah.

13. Terdapat pelbagai **kejadian kemalangan** yang bukan sahaja mengakibatkan kecederaan bahkan juga menyebabkan kehilangan nyawa yang melibatkan guru dan pelajar ketika mereka mengikuti program dan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Berdasarkan kepada laporan akhbar berkaitan kes kemalangan yang berlaku di sekolah, pada tahun ini sahaja terdapat empat kes kemalangan di sekolah seperti **kebakaran** koperasi sekolah, kantin terbakar dan **siling runtuh**. Di samping itu, pada tahun 2011, seorang pelajar maut ditimpa tiang bendera di Selangor, 7 pelajar cedera apabila laluan pejalan kaki runtuk di Sarawak serta kejadian kemalangan ketika menjalankan aktiviti ko-kurikulum.

14. Ingin saya berkongsi maklumat kadar kemalangan di Malaysia, kadar kemalangan yang **dilaporkan dari PERKESO** pada tahun 2011 adalah sebanyak 59,897 berbanding tahun 2010 sebanyak 57,639 kemalangan kadar ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3.92%. Walau bagaimanapun, jika dilihat secara holistik, kadar kemalangan Negara di tempat kerja pada tahun 2011 mencatatkan 3.4 per seribu pekerja jika dibandingkan lima tahun yang lalu 2007 ialah 4.52 per seribu pekerja. Hal ini dipandang serius oleh semua pihak. Di sini para semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam sama-sama membantu kerajaan dalam mempromosikan 'Membudayakan ke arah keselamatan dan kesihatan pekerjaan'.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Kejadian **kemalangan amat merugikan** kerana sejumlah sejumlah wang terpaksa dikeluarkan bagi menanggung kos rawatan dan bayaran pampasan yang mana nilainya jauh lebih tinggi berbanding kos yang perlu dikeluarkan untuk mempraktikkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Oleh itu, setiap majikan dan pekerja di sekolah perlu memainkan peranan untuk bersama-sama menerapkan nilai-nilai amalan budaya kerja selamat dan sihat.

16. Sehubungan dengan itu, usaha yang dijalankan oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam merangka pelan dan strategi bagi melaksanakan Program Kesedaran KKP kepada sekolah-sekolah di peringkat negeri ini amat dialu-alukan. Pada tahun ini, program-program tersebut akan diadakan di **4 buah negeri iaitu Terengganu, Melaka,**

Wialayah dan Pahang. Program ini adalah bagi menerapkan kesedaran terhadap KKP dan mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat semasa di sekolah dengan mengintegrasikannya dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia di atas kerjasama yang dijalin di dalam mendukung matlamat ke arah kemalangan sifar di sekolah. Dengan terlaksananya program KKP di sekolah ini, saya menaruh harapan agar Sekolah Menengah Vokasional Melaka Tengah ini akan menjadi "Sekolah Contoh Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan yang Cemerlang" di negeri Melaka.

18. Dengan kata-kata tersebut, saya dengan ini merasmikan **Program Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah Peringkat Negeri Melaka 2012.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.